

NO. SOALAN: 106

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Perlaksanaan Hukum Hudud peringkat kebangsaan dan apakah peranan jawatankuasa ini bagi memastikan pelaksanaan hukum Hudud di negara ini tidak menimbulkan tohmahan serta menjejaskan imej Islam.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan adalah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang jenayah

Syariah dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa. Ini bagi menjamin pelaksanaan undang-undang tersebut tidak melangkaui kuasa yang diberikan di bawah undang-undang berkenaan.

Sekian, terima kasih.